

# PEMFITNAH BOLEH DIPENJARA

**T**empoh berkempen ketika pilihan raya sememangnya hangat dengan sesi ceramah serta sebaran manifesto melalui media cetak dan elektronik serta laman sosial parti bertanding. Pada waktu inilah lazimnya berlaku insiden membabitkan provokasi terutama serangan peribadi daripada penyokong yang tidak bertanggungjawab.

Peguam, Noorazmir Zakaria berkata, bagi menangani perkara ini, undang-undang di Malaysia sebenarnya mempunyai peruntukan bagi melarang perbuatan yang mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan ketika pilihan raya seperti yang diperuntukkan melalui



Seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

"Peruntukan ini secara rumusannya mengatakan bahawa sesiapa yang disabitkan bersalah kerana melakukan perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan ketika pilihan raya untuk mendorong mana-mana pemilih atau pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi dalam pilihan raya atau untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

"Malah, jika individu disabitkan kesalahan bagi peruntukan ini, beliau tidak boleh didaftarkan atau disenaraikan sebagai pemilih atau mengundi di dalam pilihan raya mahupun dipilih dalam pilihan raya sehingga tempoh lima tahun dari sabitan kesalahan tersebut. Jika pada tarikh sabitan bersalah tersebut beliau telah pun dipilih dalam pilihan raya tersebut, maka kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Kata Noorazmir lagi, begitu juga dengan Seksyen 11 (d) Akta yang sama turut memperuntukkan kesalahan bagi mana-mana individu yang menerbitkan pernyataan palsu mengenai watak atau

kelakuan peribadi calon sebelum atau semasa pilihan raya bagi mempengaruhi supaya mana-mana calon dipilih boleh disabitkan bersalah atau suatu perbuatan 'rasuah' menurut akta ini.

"Akta ini juga memandangkan berat terhadap kebertanggungjawaban pihak yang mengeluarkan sesuatu bahan berkempen agar bertanggungjawab terhadap bahan yang diterbitkan. Mereka perlu mempamerkan nama dan alamat pencetak dan penerbit pada cetakan kempen tersebut. Jika gagal, mereka turut boleh disabitkan atas kesalahan 'rasuah' menurut Seksyen 11 (c) Akta yang sama.

"Peruntukan sebegini antara lain memberikan kesempatan kepada mana-mana pihak untuk memfailkan saman fitnah kepada pencetak dan penerbit terbabit sekiranya wujud elemen fitnah di dalam sebaran kempen mereka memandangkan nama pencetak dan penerbit tersebut mesti dicetak di bahan kempen terbabit," katanya.

Sementara itu, Noorazmir berkata, berdasarkan trend sebelum ini, lazimnya isu-isu serangan peribadi dijadikan asas kepada sesuatu petisyen pilihan raya.

"Walaupun bagaimanapun, isu seperti kesalahan di bawah Seksyen 4A dan 11 (d) Akta ini lazimnya sukar dibuktikan apabila dibangkitkan di dalam petisyen pilihan raya. Hal ini kerana undang-undang di negara kita

meletakkan beban pembuktian yang ketat iaitu kesalahan perlu dibuktikan melangkaui keraguan yang munasabah.

"Ini menyebabkan kebanyakan petisyen pilihan raya telah ditolak oleh mahkamah di peringkat bantahan awal lagi tanpa sempat melalui perbicaraan penuh," katanya.

Oleh sebab itu Noorazmir mencadangkan supaya isu yang dibangkitkan dalam petisyen pilihan raya diteruskan ke peringkat perbicaraan penuh dengan memanggil saksi yang relevan.

"Ia secara tidak langsung boleh mendidik semua pihak yang terlibat di dalam pilihan raya agar berkempen secara berhemah.

"Namun apabila isu ini tidak dianggap penting dalam mempertimbangkan sesuatu petisyen pilihan raya, maka undang-undang seperti ini kekal hanya di dalam akta sahaja tanpa sebarang penguatkuasaan," katanya.

Ditanya mengenai tindakan yang boleh diambil pihak yang difitnah, Noorazmir berkata, mereka boleh memfailkan saman fitnah.

"Dalam tindakan saman tort fitnah, pihak yang memfailkan saman perlu membuktikan tiga elemen berikut wujud iaitu, pertama, pengatahan mengandungi unsur fitnah; kedua, pengatahan-pengatahan fitnah tersebut merujuk kepada pihak yang difitnah; dan terakhir pengatahan fitnah tersebut telah diterbitkan kepada pihak ketiga," katanya.

## SINAR4 ROHINGYA

SOLIDARITY FOR HUMANITY

#SINAR4ROHINGYA

DIBARAKAN OLEH



**JIKALAU  
RM1 UNTUK  
SATU NYAWA...  
BERAPA BANYAK  
NYAWA YANG INGIN  
ANDA SELAMATKAN?**

**BANTU MEREKA...**

SINAR KARANGKRAF SDN BHD  
(TABUNG SINAR4ROHINGYA-SOLIDARITY FOR HUMANITY)

**5030 3363 4355 (MAYBANK)**

SINAR4  
ROHINGYA